

18/01/2001

Shahrizat Menteri Wanita (HL)

KUALA LUMPUR, Rabu - Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, hari ini dilantik anggota baru Kabinet.

Kenyataan Jabatan Perdana Menteri yang mengumumkan pelantikan itu, turut menyatakan pembentukan Kementerian Hal Ehwal Wanita, dengan Shahrizat, 48, sebagai menterinya.

Turut dilantik anggota pentadbiran baru kerajaan ialah tiga senator, iaitu dua sebagai timbalan menteri dan seorang setiausaha Parlimen.

Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, manakala Senator Datuk M Kayveas selaku Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Senator Datuk Zainuddin Maidin pula dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Seperti dibayangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, tiada menteri digugurkan atau menukar portfolio. Kecuali Shahrizat, empat pelantikan lain ialah bagi mengisi kekosongan.

Kecuali Zainuddin, dua menteri dan dua timbalan menteri baru itu akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara pada 30 Januari ini.

Zainuddin, 61, pula akan mengangkat sumpah jawatan di depan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tarikh yang sama.

Abdul Hamid, 57, seorang tokoh agama, akan dilantik Ahli Dewan Negara bagi membolehkannya menganggotai Kabinet. Tengku Adnan, 51, ialah Setiausaha Kerja Umno, manakala Kayveas, 47, Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP).

Beliau mengisi kekosongan berikutan peletakan jawatan Senator Datuk Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkuat kuasa kelmarin.

Ini adalah kali kedua peneraju Jakim (sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Islam) dilantik ke dalam Kabinet selepas Dr Abdul Hamid. Sejak Dr Abdul Hamid mengumumkan peletakan jawatan baru-baru ini, tiga nama disebut-sebut sebagai penggantinya, termasuk Abdul Hamid.

Tengku Adnan yang juga Ketua Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan mengambil alih kekosongan ditinggalkan Shahrizat. Bagaimanapun, belum diketahui skop tugas Adnan walaupun sebelum ini beliau dikatakan akan bertanggungjawab mengenai hal ehwal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Satu daripada dua jawatan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan kosong sejak selepas pilihan raya umum ke-10 apabila Perdana Menteri tidak mengisinya ketika rombakan Kabinet pada Disember 1999.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas majlis Aidilfitri bersama kakitangan Pejabat Perdana Menteri petang ini, Dr Mahathir menjelaskan pelantikan Shahrizat sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita kerana ada desakan yang begitu kuat supaya diwujudkan kementerian itu.

"Kita memang hargai sumbangan wanita dan peranan mereka dan sebab itu kita wujudkan satu kementerian baru," katanya.

Ditanya sama ada seorang timbalan kepada Shahrizat akan dilantik, Perdana Menteri berkata perkara itu belum difikirkan lagi.

"Kita fikirkan waktu ini memadai untuk adakan seorang menteri wanita," katanya.

Mengenai pelantikan Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr Mahathir berkata ia untuk mengisi satu lagi jawatan untuk kementerian itu.

"Ada jawatan yang kita tidak isi ketika kita tubuh kerajaan selepas pilihan raya 1999. Ada jawatan yang kita tidak isi dan sekarang kita isi," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan menambah lagi jawatan menteri dan anggota pentadbiran, Dr Mahathir berkata: "Itu kita dah lantik, setakat itu sajalah."

Mengenai pengumuman hari ini bukannya rombakan Kabinet tetapi lebih kepada pelantikan jawatan, beliau berkata: "Yalah, itu sahaja. Yang dok cakap pasal rombakan hanyalah press, bukan saya. Saya tak kata rombakan."

"Orang lain jangan ghairah nak buat rombakan. Saya tidak ghairah apa pun."

Perdana Menteri berkata, beliau mahu melantik seorang yang difikirkan boleh menyumbang kepada Kabinet setelah Dr Abdul Hamid meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau juga berpuas hati dengan tugas yang dijalankan oleh menteri dalam Kabinetnya.

"Walaupun orang lain mungkin tidak puas hati kerana orang lain punya agenda, tapi mengikut saya, mereka ini menjalankan tugas mereka. Maka, saya kekalkan mereka melainkan kalau mereka mahu letak jawatan," katanya.

Ditanya kemungkinan menteri digugurkan daripada Kabinet, Dr Mahathir berkata: "Nak gugur pasal apa pulak, kalau mereka ada buat salah, kita gugurlah."